

Kereta nasional terus disokong

UM - 20/10/2005

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Para pengeluar kereta nasional akan terus mendapat sokongan kerajaan melalui Dana Pelarasan Industri (DPI) meskipun pengecualian cukai yang dinikmati mereka dimansuhkan.

Pemansuhan pengecualian yang berkuat kuasa serta merta, tidak akan menjejaskan syarikat kereta nasional termasuk Proton Holdings Bhd. (Proton) kerana mereka terus dibantu oleh kerajaan, demikian kata sumber kerajaan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kesan ke atas Proton berikutan kerajaan memperkenalkan DPI dalam rangka Dasar Automotif Nasional (DAN) di sini hari ini.

Sumber itu berkata, biarpun pengecualian cukai itu ditarik balik tetapi pada hakikatnya, ia diganti semula dalam bentuk insentif-insentif lain di bawah DPI.

Beliau berkata, pengenalan DPI itu memudahkan Malaysia menyokong industri tempatan ketika berdepan dengan persoalan dalam liberalisasi pasaran dan Pertubuhan Perdag-

angan Dunia.

Ditanya mengenai kadar pengecualian cukai yang dinikmati oleh syarikat nasional, Proton dan juga Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Perodua), sumber itu berkata, beliau tidak dapat menyatakan jumlahnya.

Pengecualian

Beliau juga menambah, pengecualian cukai dengan pengumuman (DAN) tidak akan menyebabkan berlakunya sebarang perubahan ke atas harga kereta.

Menurut rangka DAN yang diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri di sini, DPI diperkenalkan untuk membantu pengeluar kenderaan tempatan termasuk kereta nasional menghadapi cabaran-cabaran yang dibawa oleh peningkatan persaingan dan liberalisasi.

Insentif ini boleh diberikan di dalam pelbagai bentuk pinjaman tanpa faedah dan geran sepadan dan meliputi aspek-aspek seperti automasi, menaik-taraf mesin dan peralatan, kos pembangunan komponen serta pembangunan teknologi.

Objektif rangka Dasar Automotif Nasional (DAN)

- Menggalakkan sektor automotif yang kompetitif dan berdaya maju terutama pembuat kereta nasional.
- Menjadi pusat serantau untuk pembuatan, pemasangan dan pengedaran automotif.
- Meningkatkan nilai tambah dan keupayaan tempatan dalam sektor automotif.
- Menggalakkan pembuat kenderaan dan vendor komponen Malaysia yang berorientasikan eksport.
- Menggalakkan penyertaan bumiputera yang kompetitif dan meluas di dalam sektor pembuatan, pengedaran dan pengimportan kenderaan serta pembuatan komponen.

Reaksi industri automotif Malaysia

PROTON HOLDINGS BHD.
Pengeluar kenderaan nasional.

“Rangka Dasar Automotif Nasional (DAN) itu menjelaskan hala tuju dan menentukan evolusi industri automotif negara menerusi kewujudan persaingan yang lebih baik antara pengeluar.

“Walaupun mewujudkan suasana persaingan, DAN juga mengekalkan suasana kondusif dan lebih telus bagi membangunkan potensi industri itu.

“Objektif utama projek kereta nasional ialah untuk memacu keupayaan tempatan dan Proton percaya rangka DAN itu akan membolehkan keupayaan ditingkatkan dalam suasana perdagangan yang kondusif.

“Pengeluar kereta akan diberikan insentif selepas dinilai dan mendapat pertimbangan sewajarnya selaras dengan kehendak para pelabur syarikat berkenaan.

“Ia akan diberikan berdasarkan kriteria tertentu seperti nilai ditambah yang dilaksanakan, tahap aliran teknologi, pembangunan tahap kecekapan tempatan serta perkembangan aspek penyelidikan serta pembangunan.”

- Jurucakap Proton

DRB-HICOM BHD.

Syarikat senaraian awam, pengedar terbesar bagi kereta nasional dan kereta import.

“Peraturan baru mengenai pengeluaran dan pentadbiran permit import (AP) akan membolehkan firma automotif tempatan menjana keuntungan dan menambah nilai kepada para pemegang saham syarikat itu.

“Dengan rangka tersebut, syarikat automotif lebih bersedia untuk suasana operasi yang baru seperti yang digariskan dalam polisi berkenaan.

“Rangka berkenaan meletakkan paradigma yang lebih dinamik dan telus kepada industri automotif tempatan, sekali gus membolehkan firma automotif memaksimumkan keupayaan dan daya saing di peringkat serantau.

“Polisi berkenaan (memberi kebenaran kepada firma senaraian awam bumiputera mendapatkan AP secara langsung) membuka era baru kepada industri automotif tempatan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat pembuatan kenderaan.

“DRB-Hicom yakin mampu berupaya mencatatkan keputusan yang baik dalam suasana automotif yang baru ini.”

- Pengerusi DRB-Hicom,
TAN SRI MOHD. SALEH SULONG

AMAZING TEMPO SDN. BHD.

Pemegang AP Francais kenderaan ditala berjenama Wald.

“Secara prinsipnya kami akan mematuhi keputusan kerajaan itu walaupun masih agak awal bagi kami membuat reaksi rasmi mengenai pengumuman tersebut.

“Berdasarkan laporan awal ada beberapa perkara dalam rangka DAN yang perlu diperhalusi.

“Semua peserta industri kenderaan ditala sememangnya sudah menjangkakan tindakan tegas daripada kerajaan berikutan meletusnya kontroversi AP.”

- Pengurus Perhubungan Media Amazing Tempo,
RAZMAN KASSIM

